

Newspaper	Harakah
Date	9/3/2012

Kemiskinan Kelantan propaganda Najib

Harakah - 9/3/2012

Oleh WAN NORDIN WAN YAACOB
& INTAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR: Tohmahan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak kononnya Kelantan negeri termiskin di Malaysia hanyalah suatu propaganda menjelang pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Demikian kata Ketua Pemuda PAS Kelantan, Ustaz Abdul Latif Abdul Rahman mengulas isu tersebut baru-baru ini.

Kenyataan Najib itu sekali gus membuka pekung dirinya selaku pemimpin yang sebenarnya gagal membantu Kelantan dalam mengatasinya.

Telahan itu juga kata Abdul Latif, membawa makna bahawa kegagalan kesemua enam Perdana Menteri termasuk Najib untuk memajukan kesemua negeri dalam Malaysia ini sejak BN memerintah lebih 50 tahun lalu.

Begitu pun, beliau menegaskan bahawa Kelantan mungkin dilihat miskin pada fizikalnya sahaja kerana tidak memiliki bangunan pencakar

Kedudukan	Negeri	Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar
1	Sabah	32,400
2	Terengganu	8,300
3	Perak	5,700
4	Sarawak	5,200
5	Kedah	5,000
6	KELANTAN	3,600

Statistik menunjukkan kadar kemiskinan Kelantan lebih baik dari negeri di bawah tadbir Umno-BN.

langit seperti di Kuala Lumpur.

Sebaliknya, ekonomi rakyat Kelantan secara khasnya antara yang terbaik di Malaysia kerana memiliki kuasa membeli yang sangat tinggi, katanya.

Lihat sahaja jumlah jualan pasaraya di negara ini, Kelantan memiliki jumlah nilai runcit yang tinggi yang membawa maksud kuasa membeli rakyat Kelantan sangat tinggi, katanya.

Beliau melihat, tohmahan Najib hanyalah satu propaganda untuk menarik undi orang Melayu di sini memandangkan

sejak dahulu lagi Umno-BN mahu merampas pemerintahan dari tangan PAS.

Sebenarnya, menjadi tanggungjawab kerajaan memerintah untuk memajukan mana-mana negeri dan tugas itu adalah di bawah Perdana Menteri.

"Propaganda politik kemiskinan ini tidak laku lagi di Kelantan, saya percaya rakyat Kelantan mampu menilai tohmahan Najib itu dan kita rakyat akan terus menolak Umno-BN pada PRU akan datang," ujarnya.



Ustaz Abdul Latif Abdul Rahman